

## KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	KRITERIA
<p><i>Cemerlang</i> <b>26-30</b></p> <p>(28-30)</p> <p>(26-27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tugas bahan rangsangan</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b></li> <li>• Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> </ul>
<p><i>Kepujian</i> <b>20-25</b></p> <p>(23-25)</p> <p>(20-22)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tugas bahan rangsangan</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
<p><i>Memuaskan</i> <b>15-19</b></p> <p>(17-19)</p> <p>(15-16)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tugas bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tugas bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
<p><i>Kurang Memuaskan</i> <b>10-14</b></p> <p>(12-14)</p> <p>(10-11)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih/ kurang</b> menepati tugas bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara</b>. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea kurang relevan dengan tugas bahan rangsangan dan huraian <b>kurang</b> jelas</li> </ul>
<p><i>Pencapaian Minimum</i> <b>01-09</b></p> <p>(06-09)</p> <p>(01-05)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b>tidak</b> menepati tugas bahan rangsangan</li> </ul>

**Ungkapan menarik** : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran, dan lain-lain.

<b>KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN B</b>			
<b>PERINGKAT</b>	<b>BAHASA</b>	<b>IDEA</b>	<b>PENGOLAH</b>
<b>CEMERLANG</b> <b>80 – 100</b>  <b>(90 – 100)</b>  <b>(80 – 89)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat</li> <li>Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis</li> <li><b>Ejaan dan Tanda Baca</b> betul</li> <li><b>Laras Bahasa</b> sesuai dgn tugas</li> <li>Penggunaan <b>Kosa Kata</b> luas dan tepat</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b></li> <li><b>Gaya Bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa</li> <li><b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan</li> </ul>	<b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, diuraikan dgn jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai	<b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai
<b>KEPUJIAN</b> <b>66 – 79</b>  <b>(73 – 79)</b>  <b>(66 – 72)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat</li> <li>Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li><b>Ejaan dan Tanda Baca</b> betul</li> <li><b>Laras Bahasa</b> sesuai dengan tugas</li> <li>Penggunaan <b>Kosa Kata</b> luas dan tepat</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b></li> <li><b>Gaya Bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa</li> <li><b>Wacana</b> lengkap &amp; terdapat kesinambungan idea yg jelas antara perenggan</li> </ul>	<b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai	<b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai
<b>BAIK</b> <b>51 – 65</b>  <b>(58 – 65)</b>  <b>(51 – 57)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> sesuai</li> <li>Penggunaan <b>ayat majmuk</b> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li><b>Ejaan dan Tanda Baca</b> masih betul</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata umum</b></li> <li><b>Laras Bahasa</b> sesuai mengikut tugas</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b></li> <li><b>Gaya Bahasa</b> yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b></li> <li><b>Wacana</b> masih lengkap</li> </ul>	<b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai	<b>Pengolahan</b> masih menarik dan pemerengganan masih sesuai
<b>MEMUASKAN</b> <b>36 – 50</b>  <b>(43 – 50)</b>  <b>(36 – 42)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> terhad</li> <li>Ayat <b>kurang</b> gramatis</li> <li><b>Ejaan dan Tanda Baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata umum</b> dan terhad</li> <li><b>Laras Bahasa</b> kurang sesuai</li> <li><b>Wacana</b> masih / kurang lengkap</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa kurang bervariasi</b></li> <li><b>Gaya Bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan</li> <li><b>Wacana</b> masih / kurang lengkap</li> </ul>	<b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai	<b>Pengolahan</b> kurang menarik
<b>KURANG MEMUASKAN</b> <b>21 – 35</b>  <b>(28 – 35)</b>  <b>(21 – 27)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>kata kurang</b> tepat</li> <li>Ayat <b>tidak gramatis tetapi masih difahami</b>.</li> <li>Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara</li> <li><b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi</li> <li><b>Gaya Bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah</li> <li><b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang</li> </ul>	<b>Idea</b> masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	<b>Pengolahan</b> tidak menarik
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b> <b>01 – 20</b>  <b>(11 – 20)</b>  <b>(01 – 10)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keseluruhannya menunjukkan penggunaan <b>kata dan ayat yang</b> tidak gramatis</li> <li>Terdapat kesalahan <b>ejaan dan tanda baca</b> yang ketara</li> <li><b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik</li> <li>Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b></li> <li><b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai</li> </ul>	<b>Idea</b> bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	<b>Pengolahan</b> tidak menarik

## MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 2/2020 BAHASA MELAYU

### BAHAGIAN A

*Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada usaha-usaha untuk melestarikan khazanah hutan negara.*

*Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha untuk melestarikan khazanah hutan negara.***

*Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan.***

***Diharapkan :*** Calon dapat menghuraikan isi/idea tentang **usaha-usaha untuk melestarikan khazanah hutan negara**

#### **Cadangan idea:**

- Penanaman semula pokok
- Penguatkuasaan undang-undang
- Kempen kesedaran

**KAEDAH PEMERIKSAAN**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan maksimum 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Markah bersih / **muktamad itu hendaklah** ditulis di penjuru **sebelah kanan pada halaman pertama** karangan berdasarkan markah di bawah.
6. Pemeriksa hendaklah memberikan komen sekiranya perlu pada karangan yang diperiksa.

**Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:**

- ( ) = Kesalahan isi
- \_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // = Kesalahan ejaan yang berulang
- = Kesalahan tanda baca

**BAHAGIAN B**

1. Silat, tae kwon do, judo, karate dan wushu adalah antara seni mempertahankan diri yang popular di negara kita. Pelibatan remaja dalam seni bela diri ini merupakan sebahagian daripada langkah yang terbaik untuk membina kecergasan fizikal, disiplin diri dan kemahiran sosial.

Jelaskan kelebihan mempelajari seni mempertahankan diri dalam kalangan remaja.

**Diharapkan:** Calon dapat membincangkan kelebihan mempelajari seni mempertahankan diri dalam kalangan remaja.

**Cadangan idea :**

- Dapat menyihatkan tubuh badan
- Mampu mempertahankan diri apabila keselamatan terganggu
- Salah satu wadah yang baik untuk menambah kenalan dan bersosial
- Dapat mendisiplinkan diri
- Mengelakkan diri remaja daripada terlibat dengan aktiviti yang negatif

*\*Terima mana-mana isi lain yang sesuai*

2. Penggunaan telefon pintar dalam kalangan anak-anak semakin meningkat disebabkan wujudnya jaringan sosial seperti *Facebook, Twitter, My Space, WhatsApp* dan *Instagram*.

Bincangkan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak memanfaatkan penggunaan telefon pintar dalam kehidupan.

**Diharapkan:** Calon dapat membincangkan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak memanfaatkan penggunaan telefon pintar dalam kehidupan.

**Cadangan idea :**

- Menerapkan dan memberikan didikan agama yang sempurna
- Menghadkan penggunaan telefon bimbit anak-anak
- Membeli telefon bimbit untuk anak-anak apabila mereka mencecah usia yang cukup matang
- Membuat pemantauan terhadap penggunaan telefon bimbit oleh anak-anak
- Menggalakkan anak-anak memanfaatkan telefon bimbit untuk pembelajaran

*\*Terima mana-mana isi lain yang sesuai*

3. Anda telah mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan di peringkat daerah. Tajuk syarahan ialah “Ke Arah Melahirkan Semangat Patriotisme dalam Kalangan Masyarakat.”

Tulis syarahan anda itu selengkapnya.

**Diharapkan :** Calon dapat menulis syarahan tentang “Ke Arah Melahirkan Semangat Patriotisme dalam Kalangan Masyarakat.”

***Kemungkinan-kemungkinan:***

- Calon membincangkan peranan/langkah/cara oleh pelbagai pihak ke arah melahirkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat – diterima
- Calon membincangkan hanya peranan/langkah/cara oleh SATU pihak sahaja – diterima
- Calon menghuraikan kepentingan dan peranan pelbagai pihak atau SATU pihak ke arah melahirkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat - diterima

**Format :** Syarahan

- Kata-kata aluan - 1 markah
- Kata penegasan - 1 markah

***Jika tiada format : tolak 2 markah maksimum***

**Cadangan idea:**

- Peranan ibu bapa / keluarga - Menanamkan kesedaran tentang pentingnya memelihara kedaulatan dan kemerdekaan negara sejak anak-anak masih kecil
- Peranan sekolah - Memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik dari bangku sekolah
- Peranan masyarakat – Memperkukuh semangat perpaduan
- Peranan media massa - Menyiarkan rancangan atau program berkaitan dengan aktiviti cinta akan negara
- Peranan kerajaan/NGO/swasta - Kempen berterusan dan efektif daripada kerajaan dan badan swasta

*\*Terima mana-mana isi lain yang sesuai*

4. Penularan penyakit berjangkit seperti COVID-19, Influenza A (H1N1), SARS dan AIDS telah mendatangkan kebimbangan kepada negara yang dilanda wabak tersebut.

Bincangkan kerjasama yang perlu dilakukan oleh negara-negara terlibat untuk menangani penularan penyakit-penyakit berbahaya.

**Diharapkan :** Calon dapat membincangkan bentuk kerjasama yang perlu dilakukan oleh negara-negara terlibat untuk menangani penularan penyakit-penyakit berbahaya.

**Cadangan idea:**

- Pesakit-pesakit dikuarantin daripada orang awam supaya tidak berjangkit.
- Elakkan melancong atau berkunjung ke negara-negara yang dilanda oleh penyakit tersebut.
- Gunakan mesin pengimbas - sekat kemasukan pelancong asing dari negara yang terlibat memasuki negara Malaysia.
- Penyediaan ubat-ubatan seperti vaksin untuk ketahanan tubuh badan melawan penyakit.
- Memusnahkan punca penyakit yang berpunca daripada unggas (ayam, burung dan lain-lain).
- Kerjasama dalam bidang penyelidikan antara negara terlibat bagi mencari vaksin untuk mencegah penyakit berjangkit tersebut.

*\*Terima mana-mana isi lain yang sesuai*

5. 'Ketinggian peribadi menjadi amalan  
Ketelusan hati jadi bekalan'

Pantun dua kerat di atas menjelaskan bahawa keperibadian yang mulia amat penting dalam kehidupan manusia.

Bincangkan kepentingan keperibadian yang mulia dalam kehidupan masyarakat Malaysia kini.

**Diharapkan:** Calon dapat membincangkan kepentingan keperibadian yang mulia dalam kehidupan masyarakat Malaysia kini.

**Cadangan idea:**

- Dapat mewujudkan perpaduan antara masyarakat berbilang kaum
- Dapat melahirkan masyarakat yang lebih bertamadun
- Dapat melahirkan pemimpin yang berdedikasi
- Meningkatkan jumlah kedatangan pelancong asing
- Meningkatkan sumber ekonomi negara
- Melahirkan masyarakat yang berjaya dalam kehidupan
- Mewujudkan sebuah negara yang aman dan harmoni

*\*Terima mana-mana isi lain yang sesuai*

**PANDUAN PEMARKAHAN TAMAT**